

CNS2578

R GB 15-02 00222 BB1.44

bah

Mahathir - ECO

MAHATHIR SERU KERJASAMA LEBIH RAPAT ASEAN-ECO-SAARC

Daripada Amin Husaini Harun

ISLAMAHAD, 15 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyeru supaya diwujudkan kerjasama rapat antara Asean, Pertubuhan Kerjasama Ekonomi (ECO) di rantau Asia Selatan dan Persatuan Asia Selatan bagi Kerjasama Serantau (SAARC) untuk mcmperingkatkan ekonomi antara kedua-dua rantau.

"Kita mengalu-alukan kerjajasama rapat antara ECO, SAARC dan Asean," kata Perdana Menteri semasa berucap pada majlis makan malam, meraikannya oleh Perdana Menteri Pakistan, Nawaz Sharif di sini.

"Untuk mencapai perpaduan dan kerjasama lebih rapat di kalangan negara-negara membangun, kita perlu untuk mengekalkan dialog di kalangan kita dalam usaha untuk menggalakkan perpaduan, untuk memperkukuhkan usaha masing-masing bagi memajukan diri dan untuk mempunyai respons yang sama terhadap perkembangan ekonomi yang kritikal yang sedang berlaku di dunia, khususnya kemunculan blok-blok perdagangan yang kuat," katanya.

Mengenai ECO, katanya Malaysia mengikuti perkembangannya dengan penuh minat.

Dr Mahathir berkata dengan penyertaan tujuh lagi negara dari Asia tengah, satu rangkaian ekonomi telah muncul, yang penting dalam memastikan kema jua n dan kestabilan rantau Asia tengah dan selatan.

Mengenai hubungan Malaysia dengan Pakistan, beliau berkata ia sentiasa baik dan mesra, dan Malaysia akan terus bekerjasama rapat dalam memperkukuhkan hubungan politik dan ekonomi, serta menyumbang kepada keamanan dunia dan kesamaan dalam perhubungan antarabangsa. -- Lagi.

▼15/02/23-53MST

CNS2579

R GB 15-02 0017.4 BB145

bah

Mahathir - ECO 2 Islamabad

Dalam jangka panjang, Malaysia mahu menjadikan Pakistan sebagai pintu masuk yang berpontensi untuk pasaran minyak kelapa sawit di Afghanistan dan bahagian tengah republik Asia itu menggunakan hubungan udara, laut dan darat Pakistan ke negara-negara itu.

Berikutan kejayaan delegasi menteri dan ahli perniagaan dari Malaysia tahun lepas, usahasama dengan rakan-rakan perniagaan di Pakistan telah dicadangkan untuk mewujudkan simpanan minyak kelapa sawit bersepadu dan kompleks-kompleks menapis minyak di bandar-bandar pelabuhan di Pakistan, katanya.

Dr Mahathir berkata ia penting kerana Pakistan merupakan pembeli tunggal terbesar minyak kelapasawit Malaysia di rantau ini. Ini merupakan fenomena baru brikutan penurunan import minyak kacang soya oleh Pakistan.

Dr Mahathir juga berkata Malaysia sedang mengkaji kemungkinan Penerbangan Malaysia (MAS) menamhah kecrapan penerbangan ke Pakistan untuk mengukuhkan hubungan udara antara kedua-dua negara.

Katanya, bidang kerjasama penting Malaysia-Pakistan ialah latihan yang diterima oleh para pelajar di bawah Program Bantuan Teknikal Pakistan, dan Malaysia berharap program ini diperluaskan khususnya untuk memenuhi keperluan Malaysia bagi latihan. perubatan. -- Lagi.

▼15/02/23-59MST

CNS2582

R GB 16-02 001 55 BB146

bah

Mahathir - ECO 3 Islamabad

Perdana Menteri berkata Malaysia berharap untuk mengambil 1 lebih ramai rakyat Pakistan bekerja di sektor perindustrian dan perladangan yang sekarang mengalami kekurangan tenaga buruh.

Mengenai politik, katanya Malaysia dan Pakistan telah bersama-sama bekerja menyokong satu sama lain dalam banyak isu kepentingan bersama, khususnya dalam Negara-negara Pergerakan Berkecuali Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam.

Katanya, Pakistan yang merupakan anggota Majlis Keselamatan PBB boleh melakukan banyak perkara untuk menangani cabaran-cabaran baru yang dihadapi oleh dunia ekoran berakhirnya Perang Dingin.

"Kita berkongsi keprihatinan berhubung tindakan yang diambil oleh sebilangan kecil negara-negara kuat untuk kepentingan masing-masing tanpa mengambil kira pandangan masyarakat antarabangsa.

"Sepatutnya mereka mengambil inisiatif yang adil, tetapi kita melihat mandat PBB itu dieksploit untuk faedah mereka seperti dalam kes serangan yang tidak mempunyai justifikasi ke atas Iraq manakala situasi yang memerlukan di Bosnia masih tidak diselesaikan," katanya. -- Lagi.

♥16/02/00-23MST

CNS2583

R GD 16-02 00091. BB147

bah

Mahathir - ECO 4 (Akhir) Islamabad

Dr Mahathir berkata Malaysia menghargai peranan Pakistan dalam mewujudkan keamanan dan kestabilan di Afghanistan.

"Kita benar-benar berharap bahawa negara yang musnah kerana peperangan itu akan segera dapat melaksanakan tugas besar yang dihadapi mereka iaitu membangun dan memajukan semula negara itu," katanya.

Mengenai masalah Kashmir, yang telah menjejaskan hubungan antara Pakistan dan India sejak empat dekad lepas, Dr Mahathir berharap ia akan dapat diselesaikan secara baik melalui rundingan sebagaimana menurut resolusi PBB dan Perjanjian Simla. -- Bernama.

♥16/02/00-30MST